



*your No.1 motoring partner*

16 Mac 2019

Kepada: 'Motorsports Fraternity'  
Editor Berita,  
Bloggers

**Per: Maklum Balas AAM Terhadap Isu Pembatalan Selaku Badan Induk Sukan Bermotor Kebangsaan di Malaysia**

Kebelakangan ini hangat dipaparkan di dalam media cetak & digital isu berkaitan pembatalan AAM selaku Badan Induk Sukan Bermotor di Malaysia. Kini telah timbul kekeliruan serta kekusaran dalam kalangan ahli persatuan, kelab dan penganjur yang telah sekian lama bernaung di bawah AAM. Pemegang lesen perlumbaan serta pegawai-pegawai perlumbaan turut menerima impak yang sama.

Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) telah mengeluarkan kenyataan bahawa AAM tidak lagi diiktiraf selaku Badan Induk Sukan Bermotor di Malaysia. Kenyataan tersebut telah menimbulkan tanda tanya.

AAM masih lagi merupakan Badan Induk Sukan Bermotor di Malaysia melalui mandat yang diberikan oleh Badan Induk Sukan Bermotor Antarabangsa. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab AAM bagi melaksanakan fungsinya dalam memberi sanksi, mengeluarkan lesen perlumbaan, insuran serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan sukan bermotor seperti termaktub di dalam garis panduan yang telah ditetapkan oleh Badan Induk Antarabangsa. Bagi melindungi kepentingan ahli-ahli persatuan, kelab, penganjur, pelumba serta pegawai perlumbaan, AAM kini sedang mempertimbangkan beberapa pilihan tindakan yang akan diambil dalam menangani isu tersebut.

Terima Kasih.

Yang Benar,  
**AUTOMOBILE ASSOCIATION OF MALAYSIA**

**YM TUNKU DATUK MUDZAFFAR TUNKU MUSTAPHA**  
Chairman